



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pengurusan dan Profesional (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Perkhidmatan Pendidikan
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **24 Mac 2019**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

| GRED GAJI | MINIMUM (RM) | MAKSIMUM (RM) | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|------------------|---------------------|----------------------|------------------------------------|
| DG41 | 2,188.00 | 9,552.00 | 225.00 |

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG41**
- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. GRED DG41 [Gaji Permulaan ialah pada : RM2,188.00]; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. GRED DG41 [Gaji Permulaan ialah pada : RM2,391.94]; atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. GRED DG41 [Gaji Permulaan ialah pada : RM2,391.94]; atau
- (iv) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. GRED DG41 [Gaji Permulaan ialah pada : RM2,902.98]; atau
- (v) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. GRED DG41 [Gaji Permulaan ialah pada : RM3,209.60].

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**BIDANG
PENGKHUSUSAN
MENGAJAR YANG
DIPERLUKAN**

3.
 - (a) Pendidikan Islam
 - (b) Dini
 - (c) Tahfiz
 - (d) Kimia & Biologi
 - (e) Turath

DESKRIPSI TUGAS

4. Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perguruan.